



MAJLIS PEPERIKSAAN MALAYSIA



LAPORAN PEPERIKSAAN STPM & MUET 2020

Syariah (930)



KANDUNGAN

Syariah (930/1)	<i>1 – 8</i>
Syariah (930/2)	<i>9 – 15</i>
Syariah (930/3)	<i>17 – 24</i>

SYARIAH (930/1)

PRESTASI KESELURUHAN

Pada Semester 1, sebanyak 2 390 orang calon telah menduduki peperiksaan bagi mata pelajaran ini dan 66.84% daripadanya telah mendapat lulus penuh.

Pencapaian calon bagi mata pelajaran ini adalah seperti yang berikut:

Gred	A	A-	B+	B	B-	C+	C	C-	D+	D	F
Peratusan	7.70	5.23	10.23	10.54	9.21	12.93	11.00	11.92	7.82	6.07	7.45

SEMESTER 1

RESPONS CALON

Komen am

Secara umumnya, mutu kertas soalan adalah baik dan sesuai untuk penilaian peringkat STPM. Soalan-soalan yang dikemukakan merangkumi kesemua aras; mudah, sederhana, dan sukar serta memenuhi keperluan KBAT (Kemahiran Berfikir Aras Tinggi). Ia mampu membezakan calon yang baik dengan yang lemah. Selain itu, mutu jawapan calon adalah sederhana dan agak seimbang di antara Bahagian A (Muamalat dan Munakahat) dan Bahagian B (Mirath dan Jenayah). Majoriti calon memilih soalan 1 dan soalan 3 pada Bahagian A (Muamalat dan Munakahat). Manakala bagi Bahagian B (Mirath dan Jenayah), majoriti calon menjawab soalan 5 dan soalan 6.

Komen soalan demi soalan

BAHAGIAN A: Muamalat dan Munakahat

Soalan 1

Soalan 1(a) menghendaki calon menerangkan perbezaan antara riba hutang dengan riba jual beli. Majoriti calon dapat menjawab dengan baik soalan ini dan mendapat markah penuh. Namun, terdapat segelintir calon yang menyatakan riba jual beli ialah riba yang berlaku dalam urusan jual beli tanpa menyatakan harta yang boleh berlaku riba dalam jual beli iaitu harta ribawi. Jawapan ini tidak menepati maksud riba jual beli. Jawapan yang sepatutnya adalah seperti berikut:

Perbezaan	
Riba hutang	Riba jual beli
Lebih bayaran yang disyaratkan dalam urusan hutang, ATAU lebih bayaran akibat lewat atau tangguh bayar hutang.	Lebih barang atau masa penyerahan pada pertukaran harta ribawi.

Soalan 1(b) menghendaki calon menjelaskan syarat dan alasan bagi pertukaran harta ribawi seperti yang dinyatakan dalam tiga kes atau situasi. Majoriti calon tidak dapat menjawab soalan ini dengan baik. Jawapan mereka lebih menjurus kepada hukum dan alasan, bukannya kepada syarat dan alasan. Jawapan yang sepatutnya adalah seperti berikut:

No.	Kes/situasi	Syarat	Alasan
(i)	Pertukaran wang kertas Ringgit Malaysia yang baharu dengan wang kertas Ringgit Malaysia yang lama yang masih digunakan di pasaran.	<ul style="list-style-type: none"> • Sama nilai/banyak • Tunai • Serah terima dalam majlis akad 	Harta ribawi yang sama jenis
(ii)	Pertukaran beras dengan jagung.	<ul style="list-style-type: none"> • Tunai • Serah terima dalam majlis akad 	Harta ribawi yang sama kategori (<i>illah</i>) kerana kedua-duanya makanan ruji tetapi berbeza dari segi nama/jenis
(iii)	Pertukaran emas dengan tamar.	Tiada sebarang syarat dikenakan	Harta ribawi yang berlainan kategori (<i>illah</i>) dan berbeza nama/jenis

Soalan 1(c) menghendaki calon menganalisis perbezaan kontrak yang digunakan antara insurans dengan takaful dan kesannya kepada hukum. Majoriti calon tidak dapat menjawab soalan ini dengan baik. Mereka tidak faham dengan kehendak soalan dan jawapan mereka lebih kepada pernyataan mengenai insurans dan takaful tanpa menghubungkaitkan atau menganalisis perbezaan dari segi kontrak yang digunakan serta kesan pelaksanaan kontrak berkenaan. Walau bagaimanapun, kebanyakan calon dapat menyatakan hukum insurans dan takaful dengan tepat. Jawapan yang sepatutnya adalah seperti berikut:

Analisis perbezaan kontrak dan kesan hukum	
Insurans	Takaful
• Kontrak jual beli/pertukaran	• Kontrak hibah, sumbangan, <i>tabarru</i> , atau kebajikan
• Berlaku riba	• Tidak berlaku riba
• Berlaku <i>gharar</i>	• Tidak berlaku <i>gharar</i>
• Berlaku unsur penindasan	• Tidak berlaku penindasan
• Terdapat unsur judi	• Tiada unsur judi
• Berlaku pelaburan atau perkongsian untung	• Ahli sama-sama menyumbang dan ada unsur hibah/ <i>tabarru</i> '
• Hukumnya haram, tidak mengikut syarak, tidak patuh syariah, atau berbentuk konvensional	• Hukumnya harus, mengikut syarak, atau patuh syariah

Soalan 2

Soalan 2(a) menghendaki calon menerangkan pernyataan yang bergaris bagi pernyataan yang diberikan iaitu “Menyerahkan kuasa kepada wakil untuk melaksanakan sesuatu urusan yang diperakui”. Majoriti calon tidak dapat menjawab soalan ini dengan lengkap. Mereka tidak menerangkan maksud perkataan yang bergaris secara tepat. Kebanyakan jawapan mereka lebih menerangkan maksud *wakalah* secara umum seperti urusan yang dipersetujui antara dua pihak. Jawapan yang sepatutnya adalah urusan yang tidak bercanggah dengan syarak dan boleh dilaksanakan oleh wakil.

Soalan 2(b) menghendaki calon menjelaskan tiga hikmah *wakalah*. Hampir semua calon dapat menjelaskan tiga hikmah *wakalah* dengan tepat iaitu:

- (i) Membantu pihak yang tidak mampu menguruskan sesuatu perkara.
- (ii) Memudahkan urusan seharian.
- (iii) Menyediakan pekerjaan kepada pihak tertentu.
- (iv) Mengeratkan hubungan silaturrahim.

Soalan 2(c) menghendaki calon membincangkan dua tugas *wasi* dan dua kelebihan pelantikan *wasi* berdasarkan petikan fatwa yang diberikan. Majoriti calon dapat menjawab soalan ini dengan baik. Namun, terdapat sebahagian calon tidak dapat memberikan jawapan yang tepat kepada kelebihan pelantikan *wasi* di mana jawapan mereka lebih menjurus kepada peranan *wasi*. Selain itu juga, terdapat sebahagian calon tidak membuat kesimpulan atau menyatakan pandangan mereka sebagaimana kehendak soalan iaitu “bincangkan”. Jawapan yang sepatutnya adalah seperti berikut:

Dua tugas *wasi*:

- (i) Mengenal pasti wasiat yang ditinggalkan oleh si mati.
- (ii) Mendapatkan surat kuasa probet di Mahkamah Tinggi Sivil.
- (iii) Menghimpunkan semua harta yang ditinggalkan oleh si mati (pewasiat).
- (iv) Membayar semua hutang si mati (pewasiat).
- (v) Melaksanakan wasiat si mati yang tidak bercanggah dengan hukum syarak.
- (vi) Membahagikan baki harta pusaka kepada semua waris si mati (pewasiat) mengikut hukum faraid.

Dua kelebihan pelantikan *wasi*:

- (i) Melindungi kebajikan masa depan waris atau orang tersayang.
- (ii) Mempercepatkan proses pembahagian harta pusaka.
- (iii) Memastikan harta pusaka dibahagikan kepada waris yang berhak mengikut hasrat pemilik harta.
- (iv) Dapat mengelakkan kerenah birokrasi dalam pentadbiran dan pembahagian harta pusaka.
- (v) Memastikan hutang yang ditinggalkan oleh si mati dibayar oleh waris-warisan dengan menggunakan harta peninggalan.

Kesimpulan/rumusan/pandangan calon, (contoh): *Wasi* penting dalam pengurusan harta pusaka kini kerana banyak proses yang perlu dilalui dan memerlukan mereka yang amanah dan cekap dalam menguruskannya.

Soalan 3

Soalan 3(a) menghendaki calon menyatakan empat hikmah pensyariaan ‘*iddah*. Hampir kesemua calon dapat menjawab soalan ini dengan baik dan mendapat markah penuh. Namun ada juga segelintir calon yang menyatakan hikmah ‘*iddah* secara berulang dan mempunyai maksud yang sama seperti “memastikan rahim isteri bersih atau mengelakkan dari percampuran nasab” yang menyebabkan markah dikurangkan.

Ada juga calon yang menyatakan hikmah ‘iddah yang tidak tepat seperti “tidak boleh menerima pinangan orang lain”. Jawapan yang sepatutnya bagi soalan ini adalah seperti berikut:

- (i) Memastikan rahim isteri bersih, mengelakkan berlaku percampuran nasab.
- (ii) Menzahirkan kesedihan bagi isteri yang kematian suami.
- (iii) Menghormati kematian suami.
- (iv) Memberi tempoh kepada pasangan untuk berfikir.
- (v) Memanjangkan masa rujuk bagi talak *raj’ie*.
- (vi) Insaf atas kesilapan masing-masing.

Soalan 3(b) menghendaki calon menjelaskan tempoh ‘iddah bagi perempuan yang hamil berserta dengan dalil berdasarkan kes yang dinyatakan iaitu “Encik A telah menceraikan Puan B dengan talak satu ketika Puan B sedang hamil empat bulan”. Hampir semua calon dapat menyatakan tempoh ‘iddah bagi kes berkenaan iaitu sehingga melahirkan anak. Namun majoriti calon gagal menghurai dan mengemukakan dalil berkaitan dengan tempoh ‘iddah bagi perempuan yang hamil. Jawapan yang sepatutnya adalah seperti berikut:

Tempoh ‘iddah	Sehingga melahirkan anak/bersalin.
Huraian	<ul style="list-style-type: none"> • Kelahiran berlaku sama ada anak tersebut hidup atau mati. • Bagi menyucikan rahim.
Dalil	وَأُولَاتُ الْأَحْمَالِ أَجَلُهُنَّ أَنْ يَضَعْنَ حَمْلَهُنَّ

Soalan 3(c) menghendaki calon membincangkan pandangan fuqaha berkaitan dengan tempoh ‘iddah bagi perempuan yang masih didatangi haid. Majoriti calon tidak dapat menjawab soalan ini dengan baik. Kebanyakan jawapan mereka hanya menyatakan satu pendapat sahaja iaitu tiga kali suci. Ada juga calon yang menghuraikan jenis ‘iddah berdasarkan bentuk perceraian seperti ‘iddah cerai bagi isteri yang telah disetubuhi, ‘iddah cerai bagi isteri yang belum disetubuhi dan ‘iddah isteri yang kematian suami. Keadaan ini berlaku mungkin disebabkan soalan yang diberikan terlalu umum dan tidak jelas, di mana ia merangkumi semua jenis ‘iddah bagi perempuan yang masih didatangi haid sama ada perceraian hidup atau mati. Selain itu juga, terdapat sebahagian calon tidak membuat kesimpulan atau menyatakan pandangan mereka sebagaimana kehendak soalan iaitu “bincangkan”. Jawapan yang sepatutnya adalah seperti berikut:

Tempoh ‘iddah	Tiga kali <i>quru’</i>
Dalil	وَالْمُطَلَّاتُ يَتَرَبَّصْنَ بِأَنْفُسِهِنَّ ثَلَاثَةَ قُرُوءٍ
Mazhab Hanafi dan Hanbali	Maksud tiga kali <i>quru’</i> ialah tiga kali haid
Mazhab Maliki dan Syafie	Maksud tiga kali <i>quru’</i> ialah tiga kali suci
Pandangan calon / kesimpulan (contoh)	Bagi perempuan yang diceraikan oleh suaminya yang masih didatangi haid maka dia perlu beriddah dengan tiga kali suci sebagaimana pandangan mazhab Syafie yang diikuti di Malaysia.

Selain jawapan di atas, jawapan di bawah ini juga diterima sebagai jawapan yang menepati kehendak soalan, iaitu:

Mazhab Hanafi dan Hanbali	Tempoh <i>'iddah</i> ialah tiga kali haid iaitu berakhir <i>'iddah</i> pada waktu berakhir haid yang ketiga.
Mazhab Maliki dan Syafie	Tempoh <i>'iddah</i> ialah tiga kali suci iaitu berakhir <i>'iddah</i> pada waktu berakhir suci yang ketiga.
Pandangan calon / kesimpulan (contoh)	Bagi perempuan yang dicerai oleh suaminya yang masih didatangi haid maka dia perlu beriddah dengan tiga kali suci sebagaimana pandangan mazhab Syafie yang diikuti di Malaysia.

BAHAGIAN B: *Mirath dan Jenayah*

Soalan 4

Soalan 4(a) menghendaki calon menyatakan dua perbezaan antara waris *ashab al-furud* dengan waris *'asabah*. Majoriti calon dapat menjawab soalan ini dengan baik. Namun ada sebahagian calon menyatakan jawapan yang tidak tepat seperti waris *ashab al-furud* ialah waris yang mendapat harta pusaka dan tidak ada waris yang boleh menghalang mereka, manakala waris *'asabah* ialah waris yang ada pertalian darah dengan si mati. Jawapan yang sepatutnya adalah seperti berikut:

Mirath dan Jenayah	Waris <i>'asabah</i>
Bahagian telah ditentukan dalam al-Quran, Sunnah, dan ijmak	Bahagian tidak ditentukan dalam al-Quran, Sunnah dan ijmak
Mendapat pusaka mengikut kadar yang ditetapkan	Mendapat baki harta setelah diberikan kepada waris <i>ashab al-furud</i> atau tidak mendapat apa-apa bahagian jika baki telah tiada atau mendapat semua harta jika tiada waris <i>ashab al-furud</i>
Kebanyakannya terdiri daripada waris perempuan	Kebanyakannya terdiri daripada waris lelaki
Terbahagi kepada waris utama, waris gantian dan waris sisi (<i>hawashi</i>)	Terbahagi kepada <i>'asabah bi al-nafs</i> , <i>'asabah bi al-ghayr</i> , dan <i>'asabah ma'a al-ghayr</i>
Contoh: Suami, isteri, ibu	Contoh: Anak lelaki, cucu lelaki, saudara lelaki seibu sebapa

Soalan 4(b) menghendaki calon menjelaskan proses pentadbiran dan pembahagian harta pusaka kecil bagi orang Islam berdasarkan peruntukan undang-undang di Malaysia. Majoriti calon tidak dapat menjawab soalan ini dengan baik. Mereka hanya menjelaskan proses pentadbiran dan pembahagian harta pusaka tanpa mengaitkannya dengan harta pusaka kecil.

Justeru, jawapan calon lebih kepada menyelesaikan liabiliti harta pusaka seperti membayar hutang, melaksanakan wasiat dan seterusnya membahagikan harta pusaka. Ada juga calon yang menjelaskan bahawa harta pusaka hendaklah dituntut di Mahkamah Syariah. Sedangkan jawapan yang sepatutnya adalah seperti berikut:

- Kenal pasti terlebih dahulu sama ada harta pusaka yang ditinggalkan itu harta pusaka kecil atau sebaliknya.
- Harta pusaka kecil adalah harta pusaka yang terdiri daripada harta tak alih semuanya atau campuran antara harta tak alih dengan harta alih yang jumlah nilainya tidak melebihi RM2 juta.

- Pastikan si mati ada meninggalkan harta tak alih seperti tanah, rumah dan lain-lain.
- Permohonan boleh dibuat di unit pembahagian pusaka kecil atau pejabat tanah daerah.
- Permohonan kali pertama dengan menggunakan Borang A.
- Sijil Faraid boleh diperolehi dari Mahkamah Syariah.
- Sertakan permohonan dengan dokumen harta seperti salinan geran tanah, geran rumah, penyata akaun dan lain-lain.
- Selain itu segala dokumen berkenaan dengan waris dilampirkan seperti salinan kad pengenalan, salinan sijil nikah dan lain-lain.
- Bicara kuasa dilakukan di unit pusaka kecil, di pejabat tanah melibatkan semua waris.
- Selesai bicara, perintah pembahagian dikeluarkan.
- Waris kemukakan perintah pembahagian ke agensi terlibat bagi proses pembahagian harta.

Soalan 4(c) menghendaki calon menyelesaikan dua kes pembahagian harta pusaka. Majoriti calon dapat menjawab soalan ini dengan baik. Namun terdapat segelintir calon yang tidak dapat mencari asal masalah yang tepat bagi kedua-dua kes berkenaan. Jawapan yang sepatutnya adalah seperti berikut:

(i)

Waris	Fardu	Asal Masalah	Saham
Seorang anak perempuan	1/2	6	3
Seorang anak perempuan kepada anak lelaki (cucu perempuan)	1/6		1
2 orang saudara perempuan seibu sebapa	<i>Asabah</i>		2

(ii)

Waris	Fardu	Asal Masalah	Saham
Ibu	1/6	6	1
Bapa	<i>Asabah</i>		5
2 orang saudara lelaki seibu sebapa	<i>Mahjub</i>		–
Seorang saudara perempuan seibu	<i>Mahjub</i>		–

Soalan 5

Soalan 5(a) menghendaki calon menerangkan dua kesalahan yang wajib dikenakan hukuman *qisas*. Majoriti calon dapat menjawab soalan ini dengan baik. Mereka menerangkan bahawa dua kesalahan yang wajib dikenakan hukuman *qisas* adalah:

- Membunuh dengan sengaja atau dengan niat.
- Menghilang atau mencederakan anggota badan orang lain dengan sengaja atau dengan niat.

Walau bagaimanapun, terdapat segelintir calon yang menerangkan jenis-jenis pembunuhan iaitu pembunuhan sengaja, seumpama sengaja dan tidak sengaja. Ada juga calon yang tidak menyatakan perkataan “sengaja atau dengan niat” dalam jawapan mereka menyebabkan jawapan yang diberikan itu tidak menepati kehendak soalan. Begitu juga ada segelintir calon yang keliru antara *qisas* dengan *hudud*, di mana jawapan mereka tidak menepati kehendak soalan seperti mereka menerangkan dua kesalahan berkenaan adalah mencuri, zina, minum arak dan sebagainya.

Soalan 5(b) menghendaki calon menjelaskan kadar *diyat* yang dikenakan dalam jenayah bunuh dengan sengaja dan jenayah bunuh secara tidak sengaja. Sebahagian calon dapat menjawab dengan baik.

Namun, sebahagian lagi calon tidak dapat menjawab dengan lengkap. Mereka hanya menyatakan kadar *diyat* bagi pembunuhan sengaja adalah 100 ekor unta dan pembunuhan tidak sengaja juga 100 ekor unta tanpa memperincikannya. Ada juga calon yang menyatakan jenis *diyat* iaitu *diyat mughallazah* dan *diyat mukhaffafah* tanpa menyatakan kadarnya. Begitu juga terdapat segelintir calon yang menyatakan jumlah unta yang salah seperti 80 atau 50 ekor. Di samping itu ada calon yang menyatakan binatang lain dan bukannya unta seperti 100 ekor lembu atau kambing. Sedangkan jawapan yang sepatutnya adalah seperti berikut:

<i>Diyat</i>		
	Bunuh dengan sengaja	Bunuh secara tidak sengaja
Kadar	100 ekor unta	100 ekor unta
Huraian	<ul style="list-style-type: none"> • 30 ekor <i>juz'ah</i> (unta 5 tahun) • 30 ekor <i>hiqqah</i> (unta 4 tahun) • 40 <i>hulqah</i> 	<ul style="list-style-type: none"> • 20 ekor <i>juz'ah</i> (unta 5 tahun) • 20 ekor <i>hiqqah</i> (unta 4 tahun) • 20 ekor <i>bintu labun</i> (unta betina 3 tahun) • 20 ekor <i>ibnu labun</i> (unta jantan 3 tahun) • 20 ekor <i>bintu mukhad</i> (unta betina 2 tahun)
Tempoh bayaran	Tunai (tanpa tangguh) dalam tempoh setahun	Boleh tangguh bayaran dalam tempoh 3 tahun

Soalan 5(c) menghendaki calon membincangkan pendapat ulama mengenai syarat pembunuh yang dikenakan *kaffarah*. Majoriti calon tidak dapat menjawab soalan ini dengan tepat. Kebanyakan mereka menyatakan syarat pembunuh yang dikenakan *kaffarah* adalah Islam, baligh, berakal dan pilihan sendiri tanpa menghubungkannya dengan pendapat ulama. Terdapat juga calon yang silap memahami kehendak soalan, di mana mereka menyatakan jenis pembunuhan yang dikenakan *kaffarah* seperti bunuh sengaja, seumpama sengaja dan tidak sengaja. Selain itu, terdapat juga segelintir calon yang tidak membuat kesimpulan atau memberikan pandangan mereka sebagaimana kehendak soalan iaitu “bincangkan”. Sedangkan jawapan yang sepatutnya adalah seperti berikut:

Pendapat ulama	Syarat pembunuh yang dikenakan kaffarah
Mazhab Syafie dan Hanbali	Sama ada pembunuh itu <i>mukallaf</i> (berakal dan baligh) atau tidak dan sama ada Muslim atau bukan Muslim kecuali <i>kafir harbi</i> .
Mazhab Maliki	Sama ada pembunuh itu <i>mukallaf</i> (berakal dan baligh) atau tidak tetapi tidak wajib ke atas pembunuh bukan Muslim kerana <i>kaffarah</i> merupakan suatu ibadat.
Mazhab Hanafi	Hanya pembunuh Muslim yang <i>mukallaf</i> sahaja.
Kesimpulan/pandangan calon (contoh)	Setiap pembunuh dikenakan membayar <i>kaffarah</i> sebagai tanda patuh dan taat kepada perintah Allah sebagaimana pandangan mazhab Syafie yang diamalkan di Malaysia.

Soalan 6

Soalan 6(a) menghendaki calon menyatakan empat implikasi jenayah ragut kepada masyarakat. Majoriti calon dapat menjawab soalan ini dengan baik. Jawapan mereka menyamai kehendak soalan, iaitu:

- Kecacatan fizikal kepada mangsa atau maut.
- Kehilangan harta benda.
- Trauma kepada mangsa.

- Keadaan menjadi tidak aman dan tenteram.
- Masyarakat tidak selesa menjalani kehidupan harian.
- Keselamatan negara terancam.
- Mana-mana yang munasabah.

Soalan 6(b) menghendaki calon menghuraikan empat langkah untuk menangani jenayah ragut. Hampir keseluruhan calon dapat menjawab soalan ini dengan baik. Jawapan mereka menepati kehendak soalan iaitu:

- Tingkatkan kawalan polis atau keselamatan di kawasan-kawasan tertentu.
- Memasang kamera litar tertutup di tempat tumpuan awam.
- Memperbanyakkan kempen kesedaran kepada masyarakat tentang bahaya jenayah ragut.
- Tidak terlalu menyangkan barangan berharga di khalayak ramai.
- Menguatkuasakan undang-undang jenayah Islam.
- Mempertingkat atau memperketatkan kadar atau nilai hukuman ke atas penjenayah ragut.
- Memberi didikan agama yang sempurna kepada anak-anak.
- Berjalan secara berkumpulan.
- Lain-lain yang munasabah.

Soalan 6(c) menghendaki calon membincangkan hubung kait antara jenayah ragut dengan jenayah *hirabah*. Sebahagian calon dapat menjawab soalan ini dengan baik iaitu dengan menyatakan sekurang-kurangnya dua unsur yang sama antara jenayah ragut dengan jenayah *hirabah* iaitu “merampas harta” dan “dengan paksaan atau kekerasan”. Kebanyakan jawapan calon menyamakan antara jenayah ragut dengan jenayah *hirabah*, sedangkan calon juga boleh menyatakan bahawa kedua-dua jenayah ini adalah berbeza dengan mengemukakan alasan yang sesuai. Di samping itu, terdapat segelintir calon yang tidak membuat kesimpulan atau memberikan pandangan mereka sebagaimana kehendak soalan iaitu “bincangkan”. Jawapan yang lengkap adalah seperti berikut:

- Jenayah ragut adalah sama dengan jenayah *hirabah*:
 - Kedua-dua jenayah ini melibatkan unsur merampas harta secara paksa.
 - Kedua-dua jenayah ini mengancam nyawa mangsa.
 - Kedua-dua jenayah ini kebiasaannya berlaku secara terang-terangan tanpa sembunyi.
 - Kedua-dua jenayah ini boleh dikenakan hukuman *hudud*.

ATAU

- Jenayah ragut adalah tidak sama dengan jenayah *hirabah*:
 - Ragut biasanya dilakukan di kawasan awam, manakala *hirabah* di kawasan terpencil.
 - Ragut boleh mengancam nyawa, sedangkan *hirabah* adakalanya tidak mengancam nyawa.
 - Mangsa ragut ada peluang untuk mendapatkan bantuan, manakala mangsa *hirabah* sukar untuk mendapatkan bantuan.
 - Jenayah ragut dikenakan hukuman *takzir*, manakala jenayah *hirabah* dikenakan hukuman *hudud*.
 - Rumusan/kesimpulan/pandangan calon.

SYARIAH (930/2)

PRESTASI KESELURUHAN

Pada Semester 2, sebanyak 2 350 orang calon telah menduduki peperiksaan bagi mata pelajaran ini dan 72.69% daripadanya telah mendapat lulus penuh.

Peratusan calon bagi setiap gred adalah seperti yang berikut:

Gred	A	A-	B+	B	B-	C+	C	C-	D+	D	F
Peratusan	13.74	10.94	8.09	10.98	11.70	8.94	8.30	8.04	5.79	4.47	9.02

RESPONS CALON

Komen am

Secara umumnya mutu jawapan calon adalah sederhana dan agak seimbang di antara Bahagian A (Usul Fiqh) dengan Bahagian B (Kaedah Fiqh). Kebanyakan calon memilih soalan 2 dan soalan 3 pada Bahagian A manakala bagi Bahagian B, kebanyakan calon menjawab soalan 4 dan soalan 5.

Kebanyakan calon hanya mampu menjawab soalan aras rendah dan sebahagian aras sederhana dan segelintir sahaja yang mampu menjawab soalan aras tinggi. Kekeliruan memahami serta mentafsir kehendak soalan terutama soalan 2(c), 3(c) dan 5(c) menyebabkan kebanyakan mereka kehilangan banyak markah di bahagian ini. Keadaan ini menyebabkan jurang markah antara pelajar yang bijak dan lemah agak jauh.

Komen soalan demi soalan

BAHAGIAN A: Usul Fiqh

Soalan 1

Soalan 1(a) menghendaki calon menjelaskan pandangan ulama tentang kedudukan al-Quran sebagai hujah berserta dalil. Kebanyakan calon dapat menjawab soalan ini dengan baik. Namun terdapat juga calon yang mengemukakan dalil yang kurang lengkap hingga menyebabkan calon hanya memperoleh satu markah sahaja. Terdapat ramai calon juga memberikan maksud al-Quran serta kemukjizatan al-Quran sebagai sumber hukum di mana jawapan ini tiada dalam peruntukan skema jawapan.

Calon dikehendaki memberikan jawapan mengenai kedudukan al-Quran sebagai sumber hukum utama, menjadi hujah yang wajib berpegang dan kafir bagi orang yang mengingkarinya berserta mana-mana dalil yang bersesuaian.

Soalan 1(b) menghendaki calon menerangkan empat *uslub al-amr* berserta dengan contoh. Sebahagian calon memperoleh markah penuh bagi soalan ini. Namun terdapat calon yang mengemukakan jawapan

bagi ketiga-tiga *uslub* seperti *amar*, *nahi*, dan *takhyir* yang menyebabkan calon tidak mendapat markah penuh. Jawapan yang sepatutnya ialah:

i. Lafaz *amar sorih*

Contoh: $\text{إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُكُمْ أَنْ تُؤَدُّوا الْأَمَانَاتِ إِلَىٰ أَهْلِهَا}$

ii. Lafaz *fe'el amar*

Contoh: $\text{وَأَقِيمُوا الصَّلَاةَ}$

iii. Lafaz *fe'el mudhari'* disertai dengan *lam al-amr*

Contoh: $\text{ثُمَّ لِيَقْضُوا تَفَثَهُمْ وَلِيُؤْفُوا نَذْرَهُمْ}$

iv. Menceritakan perbuatan itu termaktub serta difardukan.

Contoh: $\text{يَأْيُهَا الَّذِينَ آمَنُوا كَتَبَ عَلَيْكُمُ الصِّيَامَ}$

v. Menceritakan perbuatan itu baik dan mendapat balasan baik.

Contoh: $\text{وَمَنْ يُطِيعِ اللَّهَ وَرَسُولَهُ يَدْخُلْهُ جَنَّاتٍ}$

vi. *Fe'el jawab* bagi *syarat*

Contoh: $\text{فَإِنْ أُخْصِرْتُمْ فَمَا اسْتَيْسَرَ مِنَ الْهَدْيِ}$

Soalan 1(c) menghendaki calon membincangkan *dalalah* al-Quran berserta dengan contoh. Majoriti calon berjaya memberikan jawapan yang tepat iaitu *dalalah qat'iyah* dan *dalalah zanniyah* berserta dengan contoh yang tepat. Ada sebahagian kecil calon tidak memberikan kesimpulan dan menyebabkan calon kehilangan dua markah dengan sangat mudah.

Jawapan yang sepatutnya ialah:

i. *Dalalah Qat'iyah* : Lafaz yang boleh difahami dengan makna yang satu.

Contoh: $\text{السَّارِقُ وَالسَّارِقَةُ فَاقْطَعُوا أَيْدِيَهُمَا}$

ii. *Dalalah Zanniyah* : Lafaz yang membawa kepada makna yang pelbagai

Contoh: $\text{والمطلقات يتربصن بأنفسهن ثلاثة قروء}$

iii. Kesimpulan calon.

Soalan 2

Soalan 2(a) menghendaki calon menjelaskan maksud *maslahah* menurut ulama usul fiqh berserta dengan contoh. Ramai dalam kalangan calon yang memberikan maksud *maslahah mursalah* hingga menyebabkan mereka memperoleh satu markah sahaja untuk peruntukan takrif. Manakala dari aspek pemberian contoh, mana-mana contoh yang menggambarkan tiga jenis *maslahah*, dikira betul. Majoriti calon mampu memberikan contoh yang tepat.

Jawapan yang sepatutnya ialah:

Maslahah ialah manfaat yang ditentukan oleh *al-Shari'* yang Maha Bijaksana untuk hamba-hamba-Nya dengan memelihara agama, jiwa, akal, keturunan dan harta. Contohnya: Undang-undang jalan raya.

Soalan 2(b) menghendaki calon menghuraikan tiga kategori *maslahah* dari aspek penerimaan dan penolakan syarak. Majoriti calon mendapat markah penuh untuk soalan ini. Namun begitu terdapat juga calon memberikan jawapan yang menyimpang daripada kehendak soalan, iaitu calon menjelaskan kesan dari penerimaan dan penolakan syarak.

Jawapan yang sepatutnya ialah:

- i. *Maslahah muktabarah*: *maslahah* yang diambil kira oleh syarak dan disyariatkan beberapa hukum yang dapat menyampaikan ke arahnya. Contoh: mensyariatkan jihad untuk menjaga agama, disyariatkan qisas untuk menjaga *maslahah* nyawa.
- ii. *Maslahah mulghah*: *maslahah* yang syarak membatalkannya. Dari sudut syarak tidak menganggapnya sebagai *maslahah* yang diambil kira dan menjadikannya sebagai *maslahah marjuhah*. Contohnya: orang perempuan mendapat kadar sama rata dengan saudara lelakinya dalam pembahagian *mirath*.
- iii. *Maslahah mursalah*: *maslahah* yang tidak dinaskan oleh syarak sama ada syarak membatalkannya atau menerimanya. Contoh: penguatkuasaan undang-undang jalan raya untuk menjaga kemaslahatan manusia dan menolak sebarang kemudaratan berlaku kepada pengguna jalan raya.

Soalan 2(c) menghendaki calon membincangkan kedudukan *maslahah* sebagai dalil syarak. Kebanyakan calon tidak mampu menjawab soalan ini dengan baik kerana peruntukan markah yang banyak, iaitu sepuluh markah. Tambahan pula, calon sangat lemah dalam mengingat nama ulama yang menerima dan menolak *maslahah* dan dalil-dalil bersesuaian bagi menyokong pendapat ulama. Oleh itu, kebanyakan calon hanya memperoleh empat hingga enam markah sahaja.

Jawapan yang sepatutnya ialah:

Ulama menerima:

- Islam diturunkan untuk menjaga kemaslahatan manusia – *maslahah mursalah* selari dengan tujuan ini.
- *Maslahah* manusia dan cara merealisasikan berubah mengikut perubahan masa dan keadaan sedangkan nas terhad.
- Sandaran para mujtahid sejak dahulu sehingga sekarang.
- Ulama menolak:
- Tuhan yang Maha Bijaksana menurunkan syariat yang merealisasikan kemaslahatan manusia – *maslahah mursalah* bererti Allah SWT meninggalkan sebahagian daripada *maslahah*.
- *Maslahah mursalah* berada di tengah-tengah antara *maslahah mu'tabarah* dengan *maslahah mulghah* – tiada sebab untuk mengikut *maslahah muktabarah* berbanding *maslahah mulghah*.
- Membuka ruang kepada orang-orang jahil dan berkepentingan mencampuri urusan mengeluarkan hukum syarak/tohmahan dan fitnah kepada agama.
- Pandangan calon.

Soalan 3

Soalan 3(a) meminta calon menyatakan enam syarat yang membolehkan seseorang itu bergelar *mujtahid*. Kebanyakan calon dapat menjawab soalan ini dengan baik namun begitu terdapat jawapan calon yang memberikan syarat yang lebih kurang sama seperti baligh, berakal, dan mumayyiz dalam fakta yang berbeza sedangkan jawapan ini di bawah satu jawapan yang sama.

Jawapan yang sepatutnya ialah:

- i. Islam dan adil.
- ii. Mengetahui ilmu al-Quran dengan mendalam.
- iii. Mengetahui ilmu hadis dengan mendalam.
- iv. Mampu mengetahui masalah *ijmak*.
- v. Mengetahui cara-cara *qiyas*.
- vi. Mengetahui ilmu bahasa Arab dengan mendalam.
- vii. Mengetahui *nasikh* dan *mansukh*.
- viii. Mengetahui ilmu usul fiqh dan kaedah fiqh.

Soalan 3(b) meminta calon menjelaskan tiga kategori hukum yang tidak boleh diijtihadkan berserta dengan contoh. Pengetahuan calon untuk soalan ini pada tahap yang sederhana. Ada calon yang dapat menjawab dengan baik dan ada juga calon yang tidak mampu menjawabnya dengan tepat. Jawapan yang tidak tepat seperti hukum-hukum asas dalam fiqh seperti wajib, sunat, harus, dan sebagainya.

Jawapan yang sepatutnya ialah:

- i. Hukum yang sabit dalam nas secara pasti dan dalalahnya *qat'ie*.
Contoh: Hukuman potong tangan terhadap pencuri.
- ii. Hukum syarak yang telah maklum dan mudah difahami.
Contoh: hukum wajib solat, puasa dan lain-lain.
- iii. Hukum keseksaan dan *kaffarah* yang ditetapkan kadar oleh syarak.
Contoh: *kaffarah* zihar.
- iv. Hukum yang telah ditafsirkan oleh Rasulullah SAW dan tidak mungkin berlaku takwil padanya.
Contoh: cara-cara melakukan solat.

Soalan 3(c) meminta calon membincangkan hukum pemindahan organ manusia berdasarkan konsep ijtihad. Majoriti calon tidak mendapat markah penuh bagi soalan ini kerana tidak dapat membawakan hujah yang lengkap berkenaan bagaimana isu ini diijtihadkan. Selain itu, sebahagian calon tidak menyatakan pandangan atau kesimpulan dari perbincangan fuqaha. Sedangkan jawapan yang sepatutnya ialah:

- i. Jumhur ulama memutuskan hukum menderma organ manusia adalah harus kerana darurat untuk menyelamatkan nyawa orang lain.
- ii. Alasan:
Mafhum dari hadis: Rasulullah SAW pernah menggunakan mukjizat Baginda untuk membetulkan mata sahabat yang buta akibat peperangan.
 - Kaedah fiqh: *الضرورة تبيح المحظورات*
 - Perkara ini adalah ijtihadiyyah kerana tidak terdapat sebarang nas yang melarang perbuatan tersebut.
 - Pandangan calon.

BAHAGIAN B: Kaedah Fiqh

Soalan 4

Soalan 4(a) meminta calon menjelaskan maksud petikan hadis *إنما الأعمال بالنيات وإنما لكل امرئ ما نوى* serta kaitannya dengan kaedah fiqh yang bersesuaian. Kebanyakan calon berjaya menjawab soalan ini dengan betul dan tepat. Aras soalan ini agak rendah dan sangat membantu calon mendapat markah penuh. Selain itu, sebahagian kecil calon hanya memberikan pengertian, tanpa kaedah fiqh yang sesuai menyebabkan mereka tidak mendapat markah penuh.

Jawapan yang sepatutnya ialah:

- Hadis ini menunjukkan amalan perlu disertai niat berserta dengan huraian.
- Amalan yang tidak disertakan dengan niat tidak akan dikira berserta dengan huraian.
- Kaedah fiqh: *الأمور بمقاصدها*

Soalan 4(b) menghendaki calon menerangkan dua tujuan niat dalam beribadat berserta dengan contoh. Kebanyakan calon dapat menjawab soalan ini dengan baik. Namun begitu tidak ramai calon yang mendapat markah penuh kerana tidak memberi huraian kepada fakta atau contoh yang diberikan. Kebanyakan calon mendapat enam daripada lapan markah.

Jawapan yang sepatutnya ialah:

- Membezakan antara ibadat dengan adat seperti bersedekah berserta dengan huraian.
- Membezakan antara tingkatan ibadat contoh solat wajib dengan sunat berserta dengan huraian

Soalan 4(c) menghendaki calon menghuraikan perkaitan kaedah terbitan dengan permasalahan berikut:

- Terdapat dua orang yang melakukan akad dengan lafaz menghibahkan suatu barangan, tetapi syaratnya hendaklah diterima dahulu pembayaran harga barangan yang akan diserahkan.
- Seseorang yang akan mendirikan solat Zuhur, namun telah berniat mendirikan solat sunat Tahiyatul Masjid.

Bagi soalan 4(c)(i), majoriti calon tidak dapat memberikan hukum, alasan dan kaedah fiqh yang tepat. Dari segi penulisan kaedah fiqh dalam bahasa Arab, sebahagian kecil calon tidak mampu menulis dengan baik. Secara keseluruhannya calon tidak memberikan alasan daripada hukum yang diberikan. Manakala bagi soalan 4(c)(ii) sebahagian besar calon dapat memberikan hukum, alasan dan kaedah fiqh yang tepat.

Jawapan yang sepatutnya ialah:

- Kaedah berkaitan: العبرة في العقود للمقاصد والمعاني، لا للألفاظ والمباني
 - Apa yang dikira dalam akad atau perjanjian ialah maksud dan makna, bukan lafaz dan bentuk perkataan.
 - Akad tersebut dikira jual beli bukannya hibah kerana ada bayaran.
- Kaedah berkaitan: الفرض لا يتأدى بنية النفل
 - Amalan fardu tidak terlaksana dengan niat amalan sunat.
 - Solat Zuhur tidak sah.
 - Kerana solat Zuhur ialah solat fardu sedangkan solat Tahiyatul Masjid ialah solat sunat.

Soalan 5

Soalan 5(a) meminta calon menjelaskan kaedah terbitan الأصل بقاء ما كان على ما كان berserta dengan contoh. Kebanyakan calon berjaya menjawab soalan ini dengan baik. Selain itu, sebahagian kecil calon hanya memberikan pengertian, tanpa contoh yang sesuai menyebabkan mereka tidak mendapat markah penuh.

Jawapan yang sepatutnya ialah:

Maksud: asal sesuatu itu ialah berkekalan ia mengikut keadaan sebelumnya berserta dengan huraian.

Contoh: seseorang berpuasa dan syak terbenam matahari, maka tidak boleh berbuka kerana diambil kira yang asal, iaitu siang.

Soalan 5(b) menghendaki calon menghuraikan maksud الأصل براءة الذمة berserta dengan tiga contoh. Kebanyakan calon dapat menjawab soalan ini dengan tepat. Namun ada segelintir calon tidak dapat memberikan tiga contoh yang lengkap. Selain itu, ada juga calon yang menggunakan contoh permasalahan pada soalan 5(c) dan huraianya tidak tepat.

Jawapan yang sepatutnya ialah:

- Maksud: Asalnya seseorang itu tiada pertanggungjawaban berserta dengan huraian.
- Contoh 1: Seseorang penjenayah mendakwa melukakan seseorang sekali sahaja tetapi mangsa mendakwa dilukakan sebanyak dua kali dan dia telah menggabung kedua-dua luka itu menjadi satu. Maka dakwaan penjenayah diterima kerana asalnya pelepasan daripada pertanggungjawaban.
- Contoh 2: Dakwaan hutang oleh seseorang kepada seorang yang lain, maka perlu disertakan dengan bukti.
- Contoh 3: Dalam keadaan pendakwa tiada bukti terhadap dakwaannya, seseorang yang didakwa di mahkamah tidak boleh dijatuhkan hukuman jika beliau enggan bersumpah.

Soalan 5(c) menghendaki calon menghubungkaitkan permasalahan yang berikut dengan kaedah terbitan **الأصل العدم**.

- i. Dakwaan pekerja bahawa sesuatu perniagaan itu tidak untung diterima berbanding dengan dakwaan pemodal yang mengatakan sebaliknya.
- ii. Dakwaan orang yang diminta menyimpan barang mengenai kerosakan barang yang disimpannya diterima berbanding dengan dakwaan orang yang meminta barangnya disimpan.
- iii. Jika seorang isteri mendakwa bahawa suaminya tidak pernah membayar nafkah sepanjang tempoh perkahwinan mereka, maka suami perlu menunjukkan bukti bahawa nafkah tersebut telah dibayar untuk menolak dakwaan isteri.
- iv. Dakwaan pelajar terhadap guru bahawa tugas telah dihantar tidak akan diterima jika tiada sebarang bukti.

Bagi soalan 5(c)(i) kebanyakan calon dapat menjawab soalan ini dengan baik. Tetapi sebahagian kecil calon gagal membuat perkaitan antara permasalahan dengan kaedah terbitan dengan mengatakan dakwaan pekerja diterima. Bagi soalan 5(c)(ii) kebanyakan calon dapat menjawab soalan ini dengan baik. Tetapi sebahagian kecil calon gagal membuat perkaitan antara permasalahan dengan kaedah terbitan dengan mengatakan barang itu rosak ketika dalam simpanan.

Bagi soalan 5(c)(iii) kebanyakan calon dapat menjawab soalan ini dengan baik. Tetapi sebahagian kecil calon gagal membuat perkaitan antara permasalahan dengan kaedah terbitan dengan mengatakan suami wajib membawa bukti tanpa merujuk kepada status nafkah pada asalnya. Bagi soalan 5(c)(ii) kebanyakan calon dapat menjawab soalan ini dengan baik. Tetapi sebahagian kecil calon gagal membuat perkaitan antara permasalahan dengan kaedah terbitan dengan mengatakan harus mencari bukti tanpa merujuk kepada kedudukan tugas pada asalnya.

Jawapan yang sepatutnya ialah:

- i. Asalnya tiada keuntungan.
- ii. Asalnya barang tersebut tidak rosak.
- iii. Asalnya tiada pemberian nafkah diberikan.
- iv. Dakwaan pelajar tidak dikira. Asalnya tiada tugas dihantar.

Soalan 6

Soalan 6(a) meminta calon menerangkan tiga bahagian *takhfif* berserta dengan contoh. Kebanyakan calon berjaya menjawab soalan ini dengan betul dan tepat. Selain itu, sebahagian kecil calon memberikan jawapan yang salah, iaitu sebab *takhfif* seperti sakit, musafir, dan lupa.

Jawapan yang sepatutnya ialah:

- i. Pengurangan: Pengurangan empat rakaat solat kepada dua rakaat.
- ii. Pengguguran: Tidak berpuasa ketika bermusafir.

- iii. Gantian: Bertayammum untuk menggantikan wuduk.
- iv. Taqdim: Melakukan jamak *taqdim*.
- v. Ta'khir: Melakukan jamak *ta'khir*.
- vi. Taghyir: Solat khauf.
- vii. Tarkhis: Solat berdiri kepada solat secara duduk.

Soalan 6(b) meminta calon menjelaskan ayat dalam surah al-Hajj, ayat 78, iaitu **وما جعل عليكم** **في الدين من حرج** kaitannya dengan kaedah fiqh yang bersesuaian berserta contoh. Majoriti calon dapat menjelaskan maksud ayat dan membawakan kaedah terbitan berserta dengan contoh yang tepat. Sebahagian kecil calon tidak menghuraikan ayat tersebut dan memberikan kaedah fiqh yang salah.

Jawapan yang sepatutnya ialah:

- i. Ayat ini menjelaskan berlaku hukum keringanan bagi sesiapa yang berada dalam kesulitan.
- ii. Kaedah yang bersesuaian: **المشقة تجلب التيسير**
- iii. Contoh: Solat empat rakaat diqasarkan menjadi dua rakaat ketika bermusafir.

Soalan 6(c) menghendaki calon menghuraikan permasalahan yang berikut dan kaedah terbitan yang berkaitan.

- i. Wanita yang ketiadaan wali nasab untuk berkahwin, seperti wali meninggal dunia dibolehkan melantik wali hakim.
- ii. Seseorang yang telah pulang dari permusafiran tidak lagi dibenarkan untuk solat secara jamak dan qasar.

Bagi soalan 6(c)(i), majoriti calon yang menjawab soalan ini memahami kehendak soalan dan dapat memberikan kaedah terbitan dan alasan yang tepat. Namun begitu, sebahagian kecil calon memberikan jawapan yang salah, iaitu memberikan hukum harus menggunakan wali hakim tanpa mengemukakan alasan. Bagi soalan 6(c)(ii), majoriti calon yang dapat menjawab soalan ini dengan memberikan kaedah terbitan dan alasan yang tepat. Namun begitu, sebahagian kecil calon memberikan jawapan yang salah, iaitu memberikan hukum tidak harus solat secara jamak dan qasar tanpa mengemukakan alasan. Namun secara keseluruhannya, tidak ramai calon mendapat markah penuh kerana tidak membuat perkaitan antara isu dengan kaedah terbitan yang diberi.

Jawapan yang sepatutnya:

- i. Kaedah terbitan: **إذا ضاق الأمر اتسع**
Apabila sesuatu itu sempit, hukumnya menjadi luas.
Keperluan pelantikan wali hakim untuk meneruskan akad perkahwinan.
- ii. Kaedah terbitan: **إذا اتسع الأمر ضاق**
Apabila sesuatu itu longgar dan mudah, hukum pelaksanaannya kembali kepada asal.
Kebenaran solat jamak dan qasar adalah pada tempoh musafir sahaja.

SYARIAH (930/3)

PRESTASI KESELURUHAN

Pada Semester 3, sebanyak 2 341 orang calon telah menduduki peperiksaan bagi mata pelajaran ini dan 83.47% daripadanya telah mendapat lulus penuh.

Pencapaian calon bagi mata pelajaran ini adalah seperti yang berikut:

Gred	A	A-	B+	B	B-	C+	C	C-	D+	D	F
Peratusan	19.52	9.53	13.67	9.61	13.24	9.14	8.76	4.66	2.56	3.76	5.55

RESPONS CALON

Komen am

Secara keseluruhan mutu jawapan calon pada tahap yang baik. Soalan yang dikemukakan sesuai untuk menilai calon kerana merangkumi pengujian tahap pengetahuan, pemahaman, kemahiran berfikir, aplikasi, dan analisis. Soalan pada tahun ini berada pada tahap sederhana dan sesuai dengan tahap calon serta tidak terlalu susah untuk dijawab oleh para calon. Istilah-istilah yang digunakan bersesuaian dengan tahap pengetahuan calon-calon STPM. Masa yang diperuntukkan mencukupi dengan jumlah soalan yang wajib dijawab oleh calon. Aras soalan juga bersesuaian dengan penguasaan dan pengetahuan calon, aras soalan ada yang rendah, sederhana, dan tinggi.

Komen soalan demi soalan

BAHAGIAN A: Ayat Ahkam

Soalan 1

Soalan 1(a) menghendaki calon menerangkan maksud petikan ayat (وبعهد الله أوفوا).

Ramai calon dapat menjawab soalan ini pada fakta pertama dan fakta nazar tetapi tidak pada fakta selebihnya. Pencapaian markah mereka agak baik secara keseluruhannya. Namun begitu, terdapat juga sebahagian kecil calon yang tidak mampu memberikan jawapan yang tepat serta meninggalkan ruang tanpa sebarang jawapan.

Jawapan sepatutnya ialah: tunaikan janji kepada Allah SWT/tunaikan perintah-perintah Allah SWT/tunaikan nazar/tunaikan janji sesama manusia. Fakta pertama (tunaikan janji kepada Allah SWT) adalah isi wajib kerana ia maksud asas yang langsung kepada makna ayat. Calon perlu mengemukakan dua daripada empat isi untuk memperolehi empat markah penuh.

Soalan 1(b) menghendaki calon menjelaskan empat larangan dalam ayat 151. Kebanyakan calon dapat menjawab soalan ini dengan baik dan mendapat markah tinggi. Sebahagian dari mereka terlajak mengambil fakta dari ayat selepasnya iaitu jangan memakan harta anak yatim. Jawapan ini tidak diterima kerana sudah keluar dari skop soalan iaitu ayat 151.

Jawapan lain yang tidak diterima tetapi dikemukakan calon adalah jangan menderhaka kepada ibu bapa, jangan memungkiri janji dan jangan menipu dalam sukatan dan timbangan. Jika calon memberikan jawapan jangan membunuh anak sahaja, jawapan tersebut juga tidak diterima kerana tidak menepati konteks ayat. Keseluruhannya kebanyakan calon memperoleh markah yang baik untuk soalan ini.

Jawapan yang sepatutnya ialah:

- i. Jangan mensyirikkan Allah SWT.
- ii. Jangan membunuh anak disebabkan takut kemiskinan.
- iii. Jangan mendekati perkara keji.
- iv. Jangan membunuh jiwa.

Soalan 1(c) menghendaki calon membincangkan tiga cara menangani masalah kemiskinan mengikut ajaran Islam. Jawapan sepatutnya ialah menghuraikan aspek ajaran Islam yang menangani masalah kemiskinan, bukan menerangkan langkah pihak tertentu untuk menanganinya.

Kebanyakan calon dapat menjawab soalan. Majoriti mereka mendapat separuh dari peruntukan jawapan sahaja tetapi dibantu dengan markah kesimpulan. Hanya sebahagian calon sahaja dapat mengemukakan tiga isi jawapan yang tepat bagi soalan ini. Ramai calon hanya mampu memberikan satu atau dua isi yang tepat sahaja daripada jawapan yang diterima dalam skema pemarkahan iaitu pada poin zakat dan sedekah.

Jawapan lain yang diterima tetapi termasuk di bawah isi pertama (galakan manusia berusaha mencari rezeki) ialah menyediakan peluang pekerjaan, berniaga, bercucuk tanam dan apa sahaja usaha mencari rezeki.

Antara jawapan kurang tepat yang diberikan calon seperti memberikan pendidikan, tidak bergantung kepada orang lain, mengamalkan solat Dhuha, tidak membazir, berdoa, bersyukur, bersungguh menuntut ilmu, saling bantu membantu antara satu dengan yang lain dan reda dengan takdir. Sebahagian kecil calon yang menjawab soalan ini didapati tidak membuat kesimpulan menyebabkan calon kehilangan markah yang diperuntukkan untuk kesimpulan.

Jawapan yang diterima adalah tentang ajaran Islam untuk:

- i. Berusaha mencari rezeki (galakan dalam Islam).
- ii. Kewajipan membayar zakat (oleh orang kaya).
- iii. Galakan bersedekah (sunat selain zakat wajib).
- iv. Galakan amalan wakaf/hibah/wasiat.
- v. Kesimpulan.

Soalan 2

Soalan 2(a) menghendaki calon menerangkan dua nikmat pada ungkapan (واذكروا نعمت الله عليكم).

Kebanyakan calon dapat menjawab soalan ini dengan baik bagi fakta persaudaraan. Namun bagi fakta kedua, kebanyakan mereka menjawab nikmat Islam atau iman sedangkan itu tidak dinyatakan dalam ayat. Sebahagian calon tidak mampu menjawab soalan ini mungkin disebabkan tidak dapat memahami maksud ayat dengan baik atau tidak menguasai bahasa Arab. Antara jawapan salah yang diberikan calon adalah seperti nikmat Islam, nikmat iman, bersyukur, keamanan, berkasih sayang, rezeki, kesihatan tubuh badan, dan lain-lain.

Jawapan sepatutnya adalah merujuk kepada lanjutan ayat tersebut iaitu nikmat persaudaraan selepas permusuhan dan nikmat diselamatkan dari api neraka.

Soalan 2(b) menghendaki calon menjelaskan empat ciri umat Islam pada ayat 104 dan ayat 105. Calon perlu mengenal pasti jawapan berdasarkan ayat yang dikehendaki dan menguasai maksud ayat dengan baik.

Kebanyakan calon dapat menjawab soalan ini dengan baik dan sederhana. Mereka dapat memberikan tiga atau empat jawapan dengan tepat. Sebahagian calon kehilangan markah kerana menggabungkan fakta ‘menyuruh kepada makruf’ dan ‘mencegah kemungkaran’. Setengahnya pula meletakkan ‘menyeru kepada kebaikan’ dan ‘menyuruh kepada makruf’ dalam satu jawapan kerana menganggap ia perkara yang sama, sedangkan ia disebut secara berasingan dalam ayat al-Quran tersebut.

Sebahagian calon pula yang memberikan jawapan kurang tepat seperti melakukan kebaikan, berpegang kepada tali Allah SWT, menjauhkan diri dari kejahatan, berbuat baik kepada Allah SWT dan tidak mengikut jejak Yahudi dan Nasrani. Kebanyakan calon memperolehi antara enam hingga lapan markah untuk soalan ini.

Terdapat lima ciri umat Islam yang dinyatakan dalam ayat 104 dan ayat 105 iaitu:

- i. Umat yang menyeru kepada kebaikan.
- ii. Umat yang menyuruh kepada makruf.
- iii. Umat yang mencegah kemungkaran.
- iv. Umat yang tidak berpecah belah.
- v. Umat yang tidak berselisih pendapat.

Soalan 2(c) pula menghendaki calon membincangkan implikasi perpecahan dalam kalangan umat Islam. Calon perlu membincangkan kesan buruk perpecahan dari aspek politik, sosial, dan ekonomi.

Jawapan calon adalah sederhana. Sebahagian calon pula gagal memberi tiga fakta jawapan yang tepat sebagaimana yang dikehendaki. Mereka hanya dapat memberikan dua jawapan sahaja. Sebahagian calon meletakkan perpecahan sebagai implikasi sedangkan ia adalah isi soalan. Apa yang perlu adalah menjelaskan kesan dari perpecahan, bukan perpecahan sebagai implikasi. Ada sebahagian calon tidak membuat kesimpulan menyebabkan mereka kehilangan markah. Sebahagian kecil calon pula tidak mendapat sebarang markah kerana memfokuskan jawapan kepada punca perpecahan seperti tidak menghayati ajaran Islam.

Jawapan sepatutnya ialah mengemukakan kesan bagi setiap aspek secara berasingan, iaitu:

- i. Implikasi politik: kuasa politik jadi lemah/dikuasai orang asing.
- ii. Implikasi sosial: berlaku perbalahan/permusuhan.
- iii. Implikasi ekonomi: ekonomi merudum/dikuasai orang asing.
- iv. Kesimpulan calon.

Soalan 3

Soalan 3(a) meminta calon menerangkan maksud ungkapan (ادعوا ربكم تضرعا وخفية).

Ramai calon yang memilih soalan ini dapat menjawab dengan baik. Peruntukan markah bagi soalan ini adalah 4 markah dan calon perlu memberikan dua maksud yang terdapat di dalam ayat. Terdapat sebahagian calon yang tersalah menjawab dengan fakta seperti berdoa kepada Allah SWT,

berdoa dengan perasaan takut, bersyukur dengan nikmat Allah SWT, melakukan ibadah kepada Allah SWT dan lain-lain. Hal ini mungkin disebabkan calon tidak menguasai maksud ayat dengan baik. Kebanyakan calon yang lain dapat memberikan mesej ayat dengan tepat.

Calon yang lemah tersilap mengemukakan jawapan seperti “berdoalah dengan penuh ketakutan dan kekhawatiran mengharapakan keampunan Allah SWT terhadap segala dosa-dosa. Mereka mungkin keliru dengan ayat al-Quran lain yang menyebut tentang adab doa yang lain atau keliru antara *خيفة* (*khifah*) dalam ayat lain dengan *خفية* (*khufyah*) dalam ayat ini.

Jawapan sepatutnya ialah:

- i. Berdoa dengan perasaan merendah diri.
- ii. Berdoa dengan suara perlahan.

Soalan 3(b) pula mengkehendaki calon menjelaskan empat bentuk kekuasaan Allah SWT yang terdapat dalam ayat 54, surah al-A'raf.

Soalan ini mampu dijawab dengan baik oleh kebanyakan calon dengan jawapan yang tepat kerana ia dinyatakan dengan jelas dalam ayat. Hanya sebahagian kecil sahaja calon memberikan jawapan yang kurang tepat seperti Allah SWT menciptakan sungai, menurunkan hujan, menjadikan lautan dan lain-lain. Terdapat juga calon yang kehilangan markah kerana memberikan jawapan berulang seperti Allah menciptakan matahari, Allah SWT menciptakan bulan, Allah SWT menciptakan bintang yang dikira sebagai isi jawapan yang sama.

Jawapan sepatutnya ialah:

- i. Mencipta langit dan bumi.
- ii. Menguasai urusan alam/bersemayam di atas arasy.
- iii. Menjadikan siang dan malam.
- iv. Mengatur perjalanan matahari, bulan dan bintang.

Soalan 3(c) mengkehendaki calon membincangkan tiga cara terbaik mengatasi pencemaran sungai.

Soalan ini dikira mudah, terbuka dan tidak terikat dengan nas. Majoriti calon mendapat markah yang baik dan tinggi. Walau bagaimanapun terdapat sesetengah calon yang cuai dengan kehendak soalan dengan memfokuskan perbincangan jawapan kepada peranan kerajaan seperti kempen, ceramah motivasi dan pendidikan menyebabkan mereka tidak mendapat markah penuh kerana jawapan-jawapan tersebut berada di bawah skop yang sama. Namun terdapat sebilangan kecil calon yang tidak membuat kesimpulan menyebabkan kehilangan dua markah yang diperuntukkan. Jarang calon dapat memberikan jawapan mengawal penerokaan, pembalakan dan perlombongan.

Jawapan yang diterima adalah seperti:

- i. Mengawal penerokaan/pembalakan/perlombongan/menguatkuasa undang-undang.
- ii. Tidak membuang sampah/sisa kimia/kumbahan dalam sungai.
- iii. Memulihara sungai/perangkap sampah.
- iv. Menjalankan kempen/pendidikan.

BAHAGIAN B: *Hadis Ahkam*

Soalan 4

Soalan 4(a) menghendaki calon menerangkan maksud tiga petikan dari hadis.

Soalan ini memperuntukkan 2 markah bagi setiap potongan ayat dan calon tidak perlu membuat huraian. Soalan ini adalah soalan mudah bagi calon yang memahami bahasa Arab dengan baik dan mereka dapat memberikan maksud setiap potongan dengan tepat. Namun hanya sebahagian calon dapat menjawab dengan baik. Calon yang tidak memahami teks menjawab dengan maksud yang salah. Mereka memberikan jawapan kurang tepat bagi potongan (i) iaitu menasihati isteri dan memberi teguran kepada isteri.

Jawapan yang sepatutnya ialah:

- i. أن يأتين بفاحشة مبينة
Jika isteri melakukan perbuatan keji yang nyata/zina.
- ii. فاهجروهن في المضاجع
Tinggal/asingkan isteri di tempat tidur.
- iii. واضربوهن ضربا غير مبرح
Pukullah dengan pukulan yang tidak mencederakan.

Soalan 4(b) menghendaki calon menjelaskan tiga mesej yang terdapat dalam hadis. Calon sepatutnya memahami hadis yang panjang ini dan mengenalpasti fakta utama di dalamnya. Tiga mesej yang diminta merupakan isi utama dan tema hadis ini.

Soalan ini dikira sukar. Tidak ramai calon dapat menjawab dengan tepat. Mereka hanya mengeluarkan poin yang sama untuk soalan (a) dan (c). Mereka memperincikan tentang kewajipan suami dan isteri serta cara mendidik isteri nusyuz. Sedangkan jawapan yang dikehendaki adalah tentang mesej-mesej besar dalam hadis, bukan terjemahan matan dan perincian maksudnya. Sebahagian kecil calon memberikan jawapan yang tersasar daripada mesej hadis seperti suami pemimpin rumah tangga, jangan menghampiri zina, jangan membuang anak dan dilarang melakukan perbuatan keji yang nyata.

Jawapan yang sepatutnya ialah:

- i. Rasulullah SAW sangat mengambil berat tentang wanita. (Inilah asas bicara hadis tersebut).
- ii. Suami perlu melayan isteri dengan baik. (Inilah penekanan Rasulullah SAW pada seluruh bicara baginda).
- iii. Suami dan isteri punya hak dan tanggungjawab yang perlu ditunaikan. (Ini pula tema ketiga dari bahagian akhir hadis tersebut).
- iv. Rasulullah SAW/Islam mengajarkan cara mendidik isteri yang nusyuz.

Soalan 4(c) menghendaki calon membincangkan tiga tanggungjawab isteri terhadap suami berdasarkan hadis dan nas lain. Jawapan sepatutnya adalah dengan mengemukakan poin tentang tanggungjawab isteri dari hadis dalam soalan dahulu, kemudian ditambah dengan jawapan dari nas lain.

Soalan ini memperuntukkan lapan markah dan soalan ini sepatutnya tidak mendatangkan masalah kepada calon untuk memberikan jawapan. Namun begitu, terdapat juga calon memberikan jawapan kurang tepat kerana tidak dapat membezakan antara tanggungjawab dengan perkara lain seperti menjaga kebajikan suami, menyediakan makan minum dan keperluan suami, menggembarakan hati suami, mengambil berat masalah suami, dan menasihati suami ke arah ketaatan. Ramai calon dapat menjawab soalan ini tetapi sebahagian mereka tidak mendapat markah penuh kerana kurang memberi fokus kepada isi dalam hadis dahulu.

Jawapan yang diterima ialah:

- i. Taat kepada suami.
- ii. Perlu meminta izin suami.
- iii. Melayan suami.
- iv. Tidak membenarkan sesiapa masuk rumah tanpa izin suami.
- v. Tidak curang/khianat/jaga maruah/aib suami.
- vi. Nas lain: Jaga harta suami/hubungan dengan keluarga suami.
- vii. Kesimpulan.

Soalan 5

Soalan 5(a) menghendaki calon menerangkan maksud dua hadis secara *ijmali*.

Soalan ini mudah tetapi calon perlu memahami teks/nas hadis dalam bahasa Arab dengan baik. Kebanyakan calon dapat memberikan maksud hadis secara *ijmali* yang tepat bagi soalan ini dengan mengemukakan keempat-empat isi yang dikehendaki. Sebahagian kecil calon sahaja yang tercicir markah kerana memberikan maksud yang kurang tepat, tidak berkaitan dengan hadis atau tidak lengkap seperti perlu menghadkan makanan, makan ketika lapar, dan berhenti sebelum kenyang sahaja sebagai isi jawapan. Calon perlu memberikan maksud hadis dengan lengkap dan terdapat empat potongan hadis yang memperuntukkan satu markah bagi setiap potongan. Sebahagian kecil yang lain hanya menjawab sebahagian isi atau menyenaraikan dua daripada empat isi yang diperuntukkan.

Jawapan sepatutnya adalah dengan mengemukakan maksud hadis dengan tidak meninggalkan isi-isi utama darinya, iaitu:

- i. Perut adalah bekas buruk bila dipenuhi.
- ii. Cukup bagi manusia beberapa suapan menguatkan tulang belakang.
- iii. Jika perlu juga, 1/3 untuk makanan.
- iv. 1/3 untuk minuman dan 1/3 untuk udara.

Soalan 5(b) pula meminta calon untuk menjelaskan empat hikmah Islam menyuruh umat menghadkan makanan. Walaupun soalan ini berdasarkan hadis, tetapi jawapannya adalah terbuka.

Sebahagian calon dapat menjawab dengan baik dan sederhana. Sebahagian lagi didapati tidak mampu memberikan empat jawapan seperti kehendak soalan dengan tepat. Jawapan yang sering diberikan calon ialah dapat mengelakkan penyakit. Calon lemah kehilangan markah kerana memberikan isi jawapan yang berulang seperti mengelakkan obesiti, dapat menjaga kesihatan, merehatkan sistem pencernaan, dan makanan dapat dihadamkan secara perlahan. Kesemua jawapan ini termasuk dalam isi jawapan mengelakkan penyakit.

Sebahagian calon yang memberikan jawapan kurang tepat seperti supaya mensyukuri nikmat Allah, mengelakkan pembaziran, mengelakkan hati menjadi keras, dapat kemanisan dalam beribadat, mengelakkan makanan syubhah dan supaya dapat berkongsi rezeki, dan mengingat fakir miskin. Jawapan berkait penjimatan, elak pembaziran dan simpati kepada orang susah tidak diterima kerana ia tidak berkait secara langsung dengan saranan mengurangkan makanan.

Jawapan yang diterima adalah:

- i. Mengelak risiko penyakit/obesiti/masalah kesihatan.
- ii. Mudah mengerjakan ibadah.
- iii. Mengelak sifat malas/kerap mengantuk.
- iv. Mencerdaskan akal.

Soalan 5(c) menghendaki calon membincangkan tiga cara pemakanan terbaik yang menjamin kesihatan dan mengelakkan penyakit.

Sebahagian calon sahaja memberikan jawapan kurang tepat seperti mengamalkan puasa sunat, banyak meminum air suam, melakukan aktiviti fizikal, mengurangkan gula, garam dan lemak serta jawapan lain yang kurang memenuhi kehendak soalan. Sebahagian pula mengulang jawapan dalam poin yang sama seperti makan secara sederhana, tidak makan secara berlebihan, dan mengawal cara pemakanan.

Terdapat juga calon yang mengemukakan jawapan tidak tepat seperti: tidak mencampurkan makanan darat dengan laut, makanan panas dengan sejuk, tidak mencampurkan susu dengan buah-buahan, makan sebelum lapar dan berhenti apabila kenyang, kunyah dengan betul dan sebagainya.

Kebanyakan calon dapat memberikan sekurang-kurangnya dua jawapan yang betul. Dari segi kesimpulan, terdapat juga calon yang tidak membuat kesimpulan atau memberikan kesimpulan yang kurang tepat dengan kehendak soalan. Hal ini menyebabkan calon kehilangan dua markah yang diperuntukkan dengan mudah.

Jawapan yang diterima adalah perbincangan tentang:

- i. Makanan berkualiti/berkhasiat.
- ii. Makan secara sederhana/tidak berlebihan.
- iii. Makanan seimbang.
- iv. Makan yang halal/bersih/elak makanan haram/bahaya.
- v. Makan ikut waktu/elak sebelum tidur.
- vi. Makan ketika lapar dan berhenti sebelum kenyang.
- vii. Kesimpulan.

Soalan 6

Soalan 6(a) meminta calon menerangkan maksud empat ungkapan dalam hadis.

Soalan ini dikira sukar kerana kalimah dalam ungkapan tersebut perlu difahami dalam konteks hadis. Kalimah dalam ungkapan ketiga jarang digunakan dalam komunikasi biasa bukan penutur Arab asal. Kebanyakan calon hanya mendapat separuh markah sahaja kerana kesilapan dalam memberi maksud seperti *sadaqah* dimaksudkan dengan sedekah untuk membantu orang-orang susah, putih ketiaknya ketika berdoa diterjemahkan dengan kemarahan baginda dan sebagainya yang menyimpang daripada maksud petikan.

Jawapan sepatutnya ialah:

- i. الصدقة – zakat (sedekah wajib)
- ii. هذا لكم – ini untuk kamu (serahan kutipan zakat)
- iii. عفرتي إبطيه – putih kedua ketiak baginda (kelihatan – doa bersungguh)
- iv. اللهم هل بلغت – Ya Allah, sudahkah aku sampaikan?

Soalan 6(b) pula menghendaki calon menghuraikan empat bentuk penyalahgunaan kuasa yang perlu dielakkan pemimpin. Jawapan sepatutnya terbatas dalam konteks khusus seorang pemimpin.

Soalan ini adalah sukar walaupun kelihatan mudah kerana calon perlu mengamati kehendak sebenar soalan dengan teliti. Kebanyakan calon tidak mampu memperolehi markah penuh yang diperuntukkan sebanyak 8 markah. Mereka memfokuskan jawapan kepada pengabaian tanggungjawab seseorang pemimpin seperti tidak menyediakan kemudahan untuk rakyat. Bukan menghuraikan empat bentuk penyalahgunaan kuasa yang perlu dielakkan oleh seseorang pemimpin. Ramai calon mengemukakan jawapan rasuah. Ia tidak diterima kerana rasuah berlaku dalam pelbagai tahap, bukan khusus untuk dielakkan oleh seseorang pemimpin sahaja.

Jawapan sepatutnya ialah:

- i. Menggunakan harta kerajaan untuk kegunaan peribadi.
- ii. Mengambil harta rakyat tanpa pampasan/sesuka hati.
- iii. Mengamalkan nepotisme/kronisme.
- iv. Memilih kasih/tidak adil dalam hukuman/pemberian.
- v. Mendapat keuntungan peribadi dari tugas rasmi.

Soalan 6(c) meminta calon membincangkan tiga faktor seseorang pekerja mengambil rasuah.

Soalan ini dikira mudah dan sering keluar pada masa lalu. Majoriti calon yang menjawab soalan ini mendapat markah tinggi dengan memberikan tiga fakta jawapan yang tepat sebagaimana yang dikehendaki. Mereka mampu memahami maksud soalan dengan baik.

Terdapat calon yang memberikan jawapan seperti didikan agama yang kurang, lemah iman dan tidak bersyukur. Jawapan ini tidak diterima dalam skema pemarkahan kerana ianya adalah jawapan yang umum untuk semua bentuk kesalahan. Terdapat juga calon yang tidak membuat kesimpulan atau membuat kesimpulan terlalu ringkas serta tidak menepati kehendak soalan menyebabkan markah calon semakin kurang.

Namun soalan 6 adalah sukar pada bahagian (a) dan (b) yang menyebabkan tidak ramai calon menjawab soalan ini. Secara keseluruhan bagi soalan 6 ini, kebanyakan calon gagal mendapat markah yang tinggi dan ianya mempengaruhi markah terkumpul yang diperolehi oleh calon.

Jawapan yang diterima ialah:

- i. Pendapatan rendah.
- ii. Kesempitan hidup/kos meningkat.
- iii. Ingin keseronokan/kemewahan.
- iv. Tidak tahan tawaran/ancaman.
- v. Terikut-ikut rakan/ramai lakukan/sudah jadi budaya.
- vi. Kesimpulan.

LAPORAN PEPERIKSAAN STPM & MUET 2020



SASBADI SDN. BHD. 198501006847

(Anak syarikat milik penuh Sasbadi Holdings Berhad 201201038178)

Lot 12, Jalan Teknologi 3/4, Taman Sains Selangor 1,
Kota Damansara, 47810 Petaling Jaya, Selangor Darul Ehsan.

Tel: +603-6145 1188 Faks: +603-6145 1199

Laman web: www.sasbadisb.com E-mel: enquiry@sasbadi.com



MAJLIS PEPERIKSAAN MALAYSIA

Persiaran 1, Bandar Baru Selayang,
68100 Batu Caves, Selangor Darul Ehsan.

Tel: +603-6126 1600 Faks: +603-6136 1488

Laman web: www.mpm.edu.my E-mel: ppa@mpm.edu.my